

Universiti lebih daripada sekadar peroleh sijil

APABILA berbicara mengenai universiti, ramai yang mengangap ia sebagai lahan ke arah mendapatkan sekeping sijil yang akan membuka pintu kepada kejayaan.

Namun hakikatnya, universiti bukan sekadar institusi yang menyediakan ilmu akademik semata-mata. Ia adalah tempat yang mana minda dibentuk, kemahiran dikembangkan dan yang paling penting sebagai tempat manusia dimanusiakan.

Laporan terbaru menunjukkan satu trend yang membimbangkan di Malaysia, semakin ramai lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Fenomena ini bukan sahaja mengejutkan, tetapi juga memberikan implikasi besar kepada masa depan negara.

Menurut statistik Kementerian Pendidikan pada 2023, kira-kira 300,000 lepasan SPM memilih untuk tidak melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT), dengan alasan yang berbeza-beza seperti kos sara hidup, minat yang berkurangan terhadap pendidikan formal, persepsi bahawa sijil akademik tidak lagi menjadi jaminan kejayaan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif selain daripada tarikan terhadap ekonomi gig.

Namun, universiti bukan sekadar tempat untuk memperoleh sijil; ia adalah ruang untuk memperkasa diri, mendapatkan pengalaman hidup dan yang lebih penting, membina insan seimbang yang boleh menyumbang kepada masyarakat.

Universiti-universiti di Malaysia bukan sahaja memberi tumpuan kepada pencapaian akademik, tetapi juga merangka pelbagai aktiviti yang bertujuan memperkasa pelajar secara menyeluruh.

Aktiviti seperti program pembangunan kepimpinan, khidmat masyarakat serta penglibatan dalam kelab dan persatuan, menjadi komponen penting dalam pengalaman di universiti.

Ini semua dirancang dengan tujuan untuk memupuk kemahiran insaniah (*soft skills*) dan mengajar pelajar untuk menjadi anggota masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan berdaya saing.

Universiti dengan kata lain, adalah platform untuk membentuk pelajar menjadi individu yang seimbang, bukan sahaja mahir dalam bidang akademik tetapi juga bersedia untuk menyumbang kepada masyarakat. Ia adalah tempat yang mana pelajar belajar untuk menjadi manusia-manusia yang lebih prihatin, berdaya tahan dan mempunyai keupayaan untuk mengubah dunia di sekeliling mereka.

Fenomena penurunan minat untuk menyambung pengajian ini sepatutnya menjadi panggilan amaran kepada masyarakat dan pihak berwajib. Pendidikan tinggi masih relevan, bukan sahaja untuk kerja, tetapi untuk perkembangan sahiah dan kematangan individu. Universiti menyediakan platform terbaik untuk mempelajari kemahiran hidup, yang tidak selalu boleh diperoleh dari pengalaman bekerja semata-mata.

Oleh itu, bagi mereka yang bercadang untuk melangkah ke dunia universiti, ingatlah bahawa universiti bukan sekadar tempat untuk mendapatkan sekeping sijil. Ia adalah perjalanan untuk memperkasa diri, membentuk identiti dan mengasah keupayaan untuk menjadi insan yang lebih baik. Sebagaimana universiti menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar, terpulang kepada mereka untuk merebut peluang tersebut dan menjadikan pengalaman itu lebih bermakna.

Kepada seramai lebih 400,000 calon SPM pada tahun ini, pasanglah impian untuk ke menara gading atau sekurang kurangnya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi khususnya di institusi TVET. Semoga anda semua mendapat kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan yang akan akan ditempuhi.

Di universiti, anda bukan sahaja sedang belajar untuk menjadi tenaga mahir, tetapi juga sedang belajar untuk menjadi manusia yang sebenar.

PROFESOR DR. MOHD.

KAMARULZAKI MUSTAFA

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)



Di universiti, anda bukan sahaja sedang belajar untuk menjadi tenaga mahir, tetapi juga sedang belajar untuk menjadi manusia yang sebenar.